

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG**
(KLUANG)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **12.03.2014**

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan senarai subsidi petrol dan diesel secara asing dan terperinci bagi tahun 2004,
2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai subsidi petrol dan diesel
bagi tahun 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan

2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	PETROL (RM JUTA)	DIESEL (RM JUTA)
2004	641	3,344
2005	2,674	4,399
2006	1,859	4,287
2007	2,825	4,427
2008	5,250	7,873
2009	2,340	1,533
2010	3,650	4,226
2011	9,732	8,515
2012	12,363	10,138
2013	11,729	9,618

NO. SOALAN : *63*

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dan undang-undang mengenai hak penjagaan anak di dalam kes perceraian yang melibatkan pasangan berlainan agama (terutamanya agama Islam) dan apakah status perundingannya sekarang.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan terhadap kebijakan dan kemaslahatan kanak-kanak. Dalam aspek hak penjagaan anak, kepentingan anak adalah mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain. Menurut prinsip *hadhanah* Islam, ibu adalah yang paling berhak bagi

menjaga anak kecilnya sama ada masih dalam perkahwinan atau selepas perkahwinan dibubarkan selagi tidak hilang kelayakkan.

Bagi kes yang melibatkan pasangan yang berlainan agama (salah seorang daripada pasangan yang bukan Islam memeluk Islam), kebiasaan kes tersebut akan dibicarakan di Mahkamah Sivil. Dalam hal ini, Mahkamah Sivil boleh memberikan hak jagaan anak-anak yang masih kecil kepada ibu yang bukan Islam dengan syarat anak itu tidak dipengaruhi dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam. Inilah asas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam **kes Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C.Mogarajah & Anor [2004] 2 CLJ 416** yang memutuskan bahawa hak penjagaan anak diberikan kepada ibu kanak-kanak tersebut. Sekiranya syarat itu tidak dipatuhi, ibu tersebut akan kehilangan hak penjagaan anak. Manakala tanggungjawab saraan dan nafkah tetap ditanggung oleh bapa yang memeluk agama Islam.

Berhubung dengan status terkini dalam menyelesaikan pertikaian hak penjagaan anak membabitkan pasangan Islam dan bukan Islam, Kerajaan sedang meneliti semula undang-undang berkaitan iaitu Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] bagi membuat pertimbangan dan penyelesaian secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak.

Sekian, terima kasih.